

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD MARZUKH BIN SHAARY
[BACHOK]**

TARIKH : 18 JUN 2014

RUJUKAN : 6907

SOALAN:

Tuan Ahmad Marzukh bin Shaary (Bachok) minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah dadah masih merupakan musuh nombor satu Negara. Apakah tahap kemajuan Klinik Cure & Care 1Malaysia dalam menyelesaikan masalah penagihan dadah ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Dadah masih dianggap sebagai musuh nombor satu negara kerana cabaran-cabaran yang terpaksa dihadapi dalam menangani masalah dadah. Pada 19 Februari tahun 1983, Y.A.B Perdana Menteri Malaysia Keempat Tuan Dr Mahathir Mohamad telah mengistiharkan dadah sebagai musuh nombor satu negara. Pada 7 Februari 1996, Jemaah Menteri telah membuat keputusan bersetuju menggabungkan Bahagian Rawatan dan Pemulihan Dadah KDN, Pasukan Petugas Antidadah JPM dan Cawangan Antidadah PDRM menjadi satu agensi tunggal dinamakan Agensi Antidadah Kebangsaan (ADK). Jemaah Menteri dalam mesyuarat bertarikh 28 Januari 2004 telah bersetuju menubuhkan Jawatankuasa Kabinet Membanteras Gejala Dadah (JKMD)

Merujuk kepada *trend* penagihan dadah yang semakin kompleks di mana kebanyakan penagih dadah yang mendapatkan rawatan di Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) merupakan pengguna *polydrug* (penagih yang menggunakan dua atau lebih dadah jenis psikoaktif) serta penghasilan jenis-jenis dadah baru dan terkini yang dijual di pasaran.

Di samping itu, cabaran proses globalisasi dunia tanpa sempadan terutama dengan adanya kemajuan dalam bidang teknologi komunikasi dan teknologi maklumat, memudahkan akses untuk mendapatkan bekalan dadah. Kemudahan untuk membuat transaksi pembelian dan penjualan dadah secara dalam talian

umpamanya memudahkan mereka mendapat bekalan dadah tanpa dikesan oleh pihak berkuasa. Penghasilan dadah yang mudah dengan hanya merujuk kepada resepi yang boleh dimuat turun di internet juga adalah cabaran yang perlu ditangani pada masa kini.

Trend pengedaran dadah dunia bertambah meluas dengan kewujudan kawasan-kawasan sumber dadah yang besar, di antaranya:-

- i) Kawasan *Golden Triangle* yang melibatkan sumber dadah yang datang dari Thailand, Laos dan Myanmar. Kawasan ini mempunyai keluasan penanaman dadah seluas 950,000 km persegi yang membekalkan dadah jenis ganja, heroin dan *methamphetamine*.
- ii) Kawasan *Emerald Triangle* yang melibatkan Colombia, Guatemala dan Mexico. Kawasan ini memiliki keluasan 11,590 hektar ladang *poppy* dan 214,800 hektar ladang *coca* yang membekalkan kokain dan heroin dunia.
- iii) Kawasan *Golden Crescent* yang melibatkan negara Afghanistan, Pakistan dan Iran yang merupakan kawasan baru pengedaran heroin dunia.
- iv) Kawasan pengeluaran Syabu dunia pula adalah dari negara China, Iran dan Nigeria.

Masalah pemesongan prekursor atau bahan-bahan kimia yang mudah didapati bagi aktiviti pemprosesan dadah secara haram juga

merupakan cabaran yang terpaksa dihadapi oleh pihak berkuasa dalam menangani masalah dadah.

Pihak Kerajaan, melalui AADK menyediakan rawatan dan pemulihan kepada individu yang terlibat dengan masalah dadah melalui pemulihan dalam institusi:

- i) **Klinik *Cure&Care* 1Malaysia**
-Menerima kemasukan klien secara sukarela

- ii) ***Cure & Care Rehabilitation Central (CCRC)***.
-Menerima kemasukan klien melalui perintah mahkamah di bawah seksyen 6(1)(a) Akta Penagih Dadah Rawatan dan Pemulihan 1983

- iii) ***Cure & Care Service Centre (CCSC)***
-Institusi menyediakan perkhidmatan pendampingan, pencerahan, rawatan dan pemulihan, pencegahan dan pendidikan dadah kepada Orang Kena Pengawasan (OKP), kes sukarela yang terdiri daripada pengguna, penagih dan bekas penagih dadah. Penempatan klien secara *residen* dan *non residen*

- iv) ***Caring Community House (CCH)***
-Pusat aktiviti kemasyarakatan untuk membantu pengguna, penyalahguna atau individu yang menghadapi masalah dadah dan dikendalikan oleh komuniti setempat

Sejak dilancarkan pada bulan Julai 2010, 12 buah Klinik Cure & Care 1Malaysia (Klinik C&C) telah berjaya memberi perkhidmatan kepada sejumlah 26,043 orang yang terdiri daripada penyalahguna dan penagih dadah secara sukarela. Daripada jumlah tersebut, seramai 3,233 orang adalah terdiri daripada golongan remaja yang berumur 13 hingga 18 tahun.

Sejumlah 26,887 orang penyalahguna dan penagih dadah telah mendapatkan perkhidmatan rawatan perubatan dan pemulihan di 12 buah Klinik C&C pada tahun 2010 sehingga bulan April 2014 iaitu seramai 1,438 orang pada tahun 2010, 5,287 orang pada tahun 2011, 8,897 orang pada tahun 2012, 8,208 orang pada tahun 2013 dan 3,057 orang sehingga bulan April 2014.

NO. SOALAN: 7

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK ZAHIDI BIN ZAINUL ABIDIN
[PADANG BESAR]**

TARIKH : 18 JUN 2014 (RABU)

SOALAN :

Datuk Zahidi Bin Zainul Abidin [Padang Besar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapa kerajaan masih tidak dapat melaksanakan kaedah pelepasan bankrap secara automatik seperti mana di beberapa negara lain kepada mereka yang telah diisytiharkan bankrap sejak lebih 20 tahun dan mereka yang bankrap disebabkan menjadi penjamin sosial.